

Headline	Seminar biomas untuk pengeluaran biofuel	Language	Malay
Date	28 Aug 2009	Page No	14
MediaTitle	Utusan Malaysia	Article Size	114 cm²
Section	Supplement	Color	Full Color
Journalist	N/A	PRValue	6,759
Frequency	Daily		
ADValue	2,253		



Seminar biomas untuk pengeluaran biofuel

MALAYSIA mempunyai potensi yang tinggi untuk memainkan peranan yang penting dalam pengeluaran biofuel dan produk-produk lain seperti bio komposit, kertas dan pulpa serta baja bio daripada sisa-sisa buangan pertanian.

Ini termasuk 17 juta tan (tandan kelapa sawit kosong); 4.5 juta tan (batang kelapa sawit) dan 1.35 juta tan (jerami padi) yang dihasilkan setiap tahun.

Pelbagai aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk memajukan teknologi inovatif pengeluaran produk-produk biomas telah dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan pusat-pusat penyelidikan lain dijangka akan dipertingkatkan lagi di masa hadapan.

Untuk mengetahui penemuan-penemuan penyelidikan berkaitan penggunaan biomas serta mengkaji potensi penggunaan bahan mentah ini, sertailah *Seminar Biomas Untuk Biofuel Produk Nilai Tambah* yang akan berlangsung pada 27 dan 28 Oktober ini di The Saujana

Headline	Seminar biomas untuk pengeluaran biofuel	Language	Malay
Date	28 Aug 2009	Page No	14
MediaTitle	Utusan Malaysia	Article Size	114 cm²
Section	Supplement	Color	Full Color
Journalist	N/A	PRValue	6,759
Frequency	Daily		
ADValue	2,253		

Kuala Lumpur, Jalan Lapangan Terbang Subang.

Menurut Pegawai Media FRIM, Toh An Nee, seminar bertema *Ke Arah Penggunaan Biomas Yang Lebih Efisien* itu dianjurkan bersama oleh FRIM dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Ia bertujuan meningkatkan kesedaran tentang potensi penggunaan biomas, menyediakan forum untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan serta berkongsi penemuan-penemuan penyelidikan terkini dengan sektor swasta, pihak industri, penggubal polisi serta para penyelidik.

Selain itu, satu pameran juga akan diadakan untuk mempamerkan produk-produk, teknologi terbaru serta perkhidmatan yang berkaitan.

Untuk pertanyaan atau pendaftaran, sila hubungi Dr. Wan Asma Ibrahim atau Rafidah Jalil (03-62797311 / 7367 / 7280); e-mel: sbbvap09@frim.gov.my atau layari laman: www.frim.gov.my.

03-62797311